

13/08/1997

Tabung amanah biaya 60 anak penduduk Belaga

KUCHING, Selasa - Tabung Amanah Bakun yang diwujudkan dengan dana sebanyak RM15 juta akan membiayai 60 anak penduduk pelbagai etnik di daerah Belaga bagi melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi dan institusi kemahiran tempatan, mulai tahun ini.

Kumpulan pelajar itu menjadi penerima pertama biasiswa tabung berkenaan yang diwujudkan bagi membela nasib penduduk di daerah Belaga, khususnya yang terpaksa memulakan kehidupan baru selepas dipindahkan bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek empangan hidro elektrik Bakun.

Kira-kira 30 daripada pelajar terbabit kini sedang menuntut di institusi pengajian tinggi dan institut kemahiran di Sarawak, sementara bakinya melanjutkan pelajaran di Semenanjung.

Penyerahan biasiswa itu akan dilakukan pengerusi tabung berkenaan, Dr James Jemut Masing, yang juga Menteri Pelancongan negeri, di Bangunan Yayasan Sarawak, di sini, Jumaat ini.

Menurut kenyataan Yayasan Sarawak, majlis penyampaian biasiswa itu juga turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan tabung berkenaan, Billy Abit Joo, yang juga Ahli Parlimen Hulu Rajang; Pengarah Pendidikan negeri, Putit Matzin dan Pengarah Yayasan, Abdul Rashid Aziz.

Tabung amanah itu diwujudkan dengan dana sebanyak RM15 juta sumbangan Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan pemaju projek empangan hidro elektrik Bakun, Bakun Hydroelectric Corporation Sdn Bhd (BHC), anak syarikat Ekran Berhad.

Tabung itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Sibul, pada 7 Ogos tahun lalu.

Penubuhan tabung itu bagi menjaga kebajikan penduduk di Belaga, khususnya yang terbabit dalam pelaksanaan projek empangan yang membabitkan kos RM13.6 bilion itu.

Tabung itu bertanggungjawab menyediakan bantuan kewangan kepada penduduk di daerah berkenaan, khususnya pelajar melanjutkan pelajaran dan mengikuti latihan kemahiran.

Masing dalam kenyataannya sebelum ini berkata, tabung itu akan memberi biasiswa kepada setiap anak kelahiran Belaga, tanpa mengira latar belakang mereka, termasuk kepada anak kumpulan yang membantah pelaksanaan projek itu sebelum ini.

(END)